



17 SEP, 2026

Kerajaan teliti langkah segera isu bil elektrik



Kosmo, Malaysia

Kerajaan teliti langkah segera isu bil elektrik


PETALING JAYA – Kerajaan akan mengadakan mesyuarat khas hari ini bagi meneliti langkah mitigasi segera untuk mengurangkan kesan kenaikan bil elektrik terhadap isi rumah yang terlibat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mesyuarat khas itu akan melibatkan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Suruhanjaya Tenaga, Tenaga Nasional Berhad dan Kementerian Kewangan.

Anwar berkata, perkara itu perlu diberi perhatian dan ditangani segera susulan keresahan rakyat berkaitan kenaikan bil elektrik sejak kebelakangan ini.

"Sekembali dari India dan Maldives, perhatian saya terus tertumpu kepada keresahan rakyat terkait kenaikan bil elektrik sejak kebelakangan ini.

"Saya mendengar keluhan yang disuarakan dan perkara ini perlu diberi perhatian serta ditangani segera," katanya me-



KEADAAN jerebu serta cuaca lebih panas ketika ini mendorong penggunaan elektrik isi rumah meningkat. – GAMBAR HIASAN

nerusi satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, ikhtiar penyasaran subsidi terus dipertahankan bagi melindungi majoriti rakyat.

"Sekitar 80 peratus pengguna domestik yang menggunakan elektrik tidak melebihi 600 kilowatt-jam (kWj) sebulan kekal dilindungi dan tidak terkesan dengan kenaikan kadar susulan peningkatan kos bahan api tahun ini.

"Namun, keadaan jerebu serta cuaca yang lebih panas sejak kebelakangan ini telah mendorong peningkatan penggunaan elektrik dalam kalangan sebahagian isi rumah, menyebabkan penggunaan bulanan mereka melepasi paras 600 kWj dan sekali gus tertakluk kepada Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA)," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan memastikan setiap langkah penyasaran subsidi dilaksanakan secara adil dan munasabah.